

01/10/2000

Menangani kemelut isu murtad

Syed Akbar Ali

RANG Undang-Undang Pemulihan Akidah 2000 kini menjadi bualan hangat dengan orang bukan Islam dan segelintir orang Islam tidak mahu menyokong satu rangka undang-undang seperti itu.

Sekumpulan 29 warga Malaysia beragama Islam menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) baru-baru ini untuk membantah rang undang-undang itu. Individu dan kumpulan lain juga merakamkan bantahan mereka termasuk membuat rayuan bertulis kepada Suhakam. Harapan mereka ialah supaya Suhakam membuat suatu kenyataan mengenai perkara itu dan mengambil tindakan sewajarnya.

Kebanyakan orang Islam yang lain pula tidak faham isu sebenar mengenai hukum murtad ini. Ketika rang undang-undang pemulihan akidah yang serupa dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis semua Adun Pas telah membantahnya atas alasan ia melanggar hukum syariah yang diterima pakai oleh kebanyakan ulama dalam negara kita termasuk ulama Pas. Mengikut hukum syariah Pas orang yang murtad mesti dihukum bunuh. Dan undang-undang hukuman bunuh untuk orang murtad sudah lama diluluskan oleh kerajaan Pas di Kelantan.

Hukum syariah Pas dan kebanyakan kaum ulama tidak mempunyai sebarang peruntukan untuk menahan orang murtad di sebuah pusat pemulihan akidah untuk tempoh 12 bulan dan kemudian mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. Hukum Pas dan kaum ulama menganjur untuk membunuh saja orang yang murtad. Dan sudah tentu Pas akan mengambil kesempatan untuk mengadu bahawa ulama kerajaan tidak tahu agama. Kita tidak boleh nafikan di sini dalam keadaan ini memang Pas yang lebih akur kerana hukum syariah yang dipersetujui kebanyakan ulama termasuk ulama kerajaan mengehendaki supaya orang murtad dibunuh.

Mengikut fahaman kaum ulama perbuatan mengingkari hukum syariah adalah murtad juga. Oleh itu, Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah 2000 ini sendiri, yang kononnya ingin menghukum orang yang murtad daripada agama Islam, sudah bercanggah dengan hukum syariah ulama. Rang undang-undang ini sendiri boleh dianggap murtad. Jadi, di mana logiknya menggunakan undang-undang yang bercanggah dengan hukum syariah untuk menghukum orang yang kononnya tidak mengikut hukum syariah?.

Jika Pas berjaya membentuk Kerajaan Pusat, tidak mustahil jika penganjur Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah 2000 ini bakal didakwa murtad oleh kerajaan Pas pula.

Jika Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah 2000 ini bukan sebahagian daripada hukum syariah kaum ulama, maka soalan yang timbul ialah apakah kategori undang-undang yang boleh khususkan penginapan percuma untuk orang murtad selama 12 bulan di pusat pemulihan akidah dan kemudian membenarkan orang murtad itu pulang ke rumah mereka? Sudah tentu rang undang-undang pemulihan akidah ini tidak boleh termasuk dalam undang-undang sivil atau kanun jenayah negara juga kerana Perlembagaan Negara kita yang menjadi perjanjian induk untuk mengawal semua undang-undang sivil dan jenayah tidak membenarkan sebarang sekatan terhadap kebebasan beragama.

Mungkin inilah sebabnya Perdana Menteri berkata, supaya undang-undang pemulihan akidah ini tidak digubal dengan sewenang-wenangnya. Mengikut Dr Mahathir, undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan Perlis itu mempunyai banyak kelemahan dan juga tidak begitu efektif.

Soalan yang timbul ialah bagaimana kerajaan negeri Perlis boleh

menggubal undang-undang agama yang mempunyai banyak kelemahan dan tidak efektif? Undang-undang agama yang lemah dan keliru tidak boleh menjelma begitu saja. Kita tidak dapat mengelak sangkaan penganjur Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah 2000 ini telah mereka cipta satu hukum yang tersendiri iaitu Hukum Agama ala Malaysia. Bersyukurlah kita wahyu yang lengkap telah diturunkan kepada Nabi lebih awal dahulu.

Semoga ahli dan pakar yang bertanggungjawab menyediakan draf undang-undang ini akan mengambil perhatian yang sewajarnya. Jangan kelirukan masyarakat kita dan juga takutilah kepada Maha Suci Allah.

Undang-undang pemulihan akidah ini bertujuan menghukum orang Islam yang dianggap sesat iaitu orang Islam yang mempunyai kelompok fahaman yang tidak selari dengan fahaman mazhab besar ahlul sunnah wal jamaah ataupun yang bercanggah terus dengannya.

Yang menjadi masalah di sini ialah siapa sebenarnya yang sesat? Sebagai contoh, kumpulan Al-Arqam telah difatwakan sesat. Begitu juga kumpulan Ibrahim Libya Memali dianggap menyeleweng. Tetapi, bukan semua orang setuju mereka sesat atau menyeleweng. Orang Pas telah syahidkan Ibrahim Libya dan pengikutnya. Begitu juga Pas tidak pandang serong terhadap Al-Arqam atau Al-Ma'unah sebagai mempunyai akidah sesat. Oleh kerana Pas memerintah dua negeri dalam negara kita, bermaksud kedua-dua negeri itu seolah-olah boleh membenarkan ajaran dan kefahaman yang mungkin dianggap sesat di negeri-negeri lain. Kemungkinan sekiranya Pas menawan Kerajaan Pusat, senarai orang sesat akan diterbalikkan.

Satu lagi perkara yang juga kita perlu teliti ialah perbezaan pendapat antara ulama dalam menangani hal sesat dan murtad. Yang paling ketara sekarang ialah hukuman menahan orang murtad selama 12 bulan yang dianjurkan Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah 2000 itu adalah satu fahaman yang bertentangan dengan undang-undang Pas dan ulama lain yang menghendaki supaya orang murtad dibunuh.

Sheikhul Al Azhar Sheikh Muhammad Thantawi pula berpendapat tidak ada sebarang hukuman terhadap orang murtad kecuali orang murtad itu menyerang Islam. Ini bermaksud orang yang mengaku Islam seperti ahlul sunnah, Syiah, Arqam dan sebagainya tidak boleh diambil tindakan selagi mereka boleh hidup aman sesama sendiri tanpa pergaduhan atau serangan. Sheikh Thantawi telah menyuarakan pendapat ini semasa beliau mengunjungi negara kita pada 1998 atas jemputan Perdana Menteri.

Malang sekali ramai ulama tempatan tidak mahu setuju dengan pendapat Sheikhul Al Azhar. Bukan sekadar itu saja, tetapi akhbar Melayu pada masa itu tidak memberi siaran penuh mengenai semua kenyataan Sheikhul Azhar Sheikh Thantawi.

Mengikut fahaman ulama lain pula memang tidak ada sebarang hukuman untuk orang yang murtad. Ulama mazhab pula mempunyai perbezaan dalam hukuman terhadap orang yang dianggap murtad. Misalnya, wanita yang murtad boleh dikecualikan hukuman bunuh oleh mazhab tertentu. Rupanya kesesatan dalam kepercayaan wanita tidak seberat kesesatan kaum lelaki.

Dalam al-Quran pula tidak ada sebarang hukuman untuk orang yang tidak mahu beriman sesudah mereka beriman:

"Orang-orang yang percaya, kemudian tidak percaya, kemudian percaya, kemudian tidak percaya, kemudian bertambah dalam ketidakpercayaan (kekafiran), Allah tidak akan mengampuni mereka, dan tidak juga memberi petunjuk kepada mereka pada sebarang jalan (Surah Al Nisaa 4:137).

Seseorang itu boleh keluar masuk antara beriman dan kekafiran bukan saja sekali, tetapi dua kali dan kemudian berterusan dalam kekafirannya dan masih tidak ada sebarang hukuman yang dijatuhkan ke atasnya semasa hidupnya di bumi. Allah tidak akan mengampuni orang seperti ini dan tidak akan memberi mereka petunjuk kepada jalan yang benar. Itulah nasib yang paling buruk.

( END )